


Jordan

Jordan adalah sebuah negara arab yang terkenal di peringkat antarabangsa. Ia juga sebuah negara yang menjaga kebajikan manusia dan kesopanan. Kini terdapat empat puluh ribu mahasiswa asing dari 107 negara di seluruh dunia yang belajar di university awam dan swasta Jordan.

Bahasa Arab adalah bahasa rasmi di negara tersebut, manakala Bahasa Inggeris digunakan sebagai Bahasa kedua.

Negara ini mempunyai iklim Mediterranean. Pada musim panas, iklim di Jordan adalah panas kering pada suhu 30 darjah, manakala suhu pada musim sejuk adalah 13 darjah. Kawasan barat Jordan akan menerima lebih banyak hujan semasa musim sejuk dari bulan November hingga bulan Mac.

Negara ini terletak di pertengahan timur tengah iaitu utara Arab Saudi, selatan Syria, barat Palestin dan selatan barat Iraq.



Kos sara hidup di Jordan adalah lebih murah daripada kebanyakan negara barat. Mata wang negara ini ialah Jordanian Dinar (JOD), yang mana dipecahkan dalam 100 qirsh atau Piester. 1 dinar bersamaan dengan 1.41 US Dollar.

Cuti umum adalah pada hari Jumaat dan Sabtu sebagai mana bilangan agama dan hari kebangsaan.

Pendidikan Tinggi di Jordan

Jordan mempunyai 32 buah universiti di Jordan, 10 awam, 19 swasta, 1 tempatan dan 2 beroperasi dibawah undang-undang yang unik.

Kesemua universiti di Jordan mempunyai pemohonan yang berbeza mengikut kurikulum. Tambahan pula, lulusan graduan universiti di Jordan ini diketahui untuk bersaing dipasaran untuk membandingkan lulusan daripada negara lain.

Kebanyakan universiti di Jordan mencapai kedudukan dan pengiktirafan antarabangsa. Penerimaan pemohon untuk institut pendidikan tinggi bergantung pada universiti dan kelayakkan program pelajar. Kementerian Pelajaran Tinggi dan Kajian Saintifik akan memberi pengiktirafan program-program ini.

Institut pendidikan tinggi di Jordan mempunyai hubungan akademik dan telah menyertai projek kajian bersama institusi antarabangsa yang terkemuka.

Kebanyakan mahasiswa dan pensyarah universiti telah menerima anugerah setempat yang berbagai.

Jenis tempoh pengajian tahunan terdapat 2 bahagian iaitu 1 semesta 6 minggu dan pada musim panas terdapat 8 minggu 1 semesta. Jordan menggunakan system jam kredit berbanding system tahunan yang lain.

Ahli fakulti mempunyai kelayakkan, kepakaran dan graduan yang berprestasi tinggi dari universiti-universiti di Eropah dan Amerika.

Pelajar yang ingin melanjutkan pengajian ijazah sarjana mestilah mempunyai sijil pendidikan ijazah sarjana muda, manakala pelajar yang ingin melanjutkan pendidikan kedoktoran mestilah mempunyai sijil pendidikan ijazah sarjana.

Sebagai tambahan, pelajar yang berhasrat untuk mendaftar sebagai lepasan ijazah sarjana perlu mengemukakan sijil kemahiran Bahasa Inggeris sama ada dalam peperiksaan TOEFL atau IELTS. Mereka juga boleh mengemukakan sebahagian sijil kemahiran tambahan dalam Bahasa Prancis atau Jerman. Akhir sekali, mereka juga boleh mengambil peperiksaan Bahasa Inggeris di institusi pendidikan tinggi yang mana mereka mohon untuk mendaftar.

Pelajar boleh memohon kemasukkan ke institut pendidikan tinggi di Jordan menerusi cara berikut:

1. Memohon terus ke institut pendidikan tinggi yang mereka pilih. Terdapat banyak institut pendidikan tinggi di Jordan menyediakan perkhidmatan secara online atau berterus ke pejabat universiti. Manakala terdapat beberapa universiti menerima melalui email. Terdapat juga universiti memutuskan dengan peraturan yang dikehendaki sendiri. Hal ini kerana, mahasiswa yang terpilih mestilah berhubung dengan institut yang mereka berkehendaki supaya mereka mengetahui tentang keperluan dan peraturan universiti.
2. Memohon terus Pengarah Hal Ehwal Pelajar Antarabangsa di Kementerian Pendidikan Tinggi Dan Kajian Saintifik atau mengikuti maklumat berikut:

-laman web: www.studyinJordan.jo

-nombor telefon: +962 533 12 98

-Email: ISA@mohe.gov.jo

-Facebook: www.facebook.com/International-Students-affairs-Jordan

-Twitter: International Students" Affairs Jordan

Kementerian Pendidikan Tinggi Jordan mengikuti semua peraturan mahasiswa antarabangsa yang telah ditubuhkan oleh Pengarah ISA. ISA bertindak balas terhadap semua peraturan yang berkaitan peraturan mahasiswa antarabangsa dari mula sehingga akhir. Dan akhir sekali, kebanyakan mahasiswa meminta atau bercadang untuk berhubung terus dengan ISA supaya mendapat maklumat dengan lebih lagi.

Diterjemahkan oleh Ahmad Yasir

Website	University	#	Website	University	#
www.yu.edu.jo	Yarmouk University	2.	www.ju.edu.jo	The University of Jordan.	1.
www.just.edu.jo	Jordan University of Science & Technology	4.	www.mutah.edu.jo	Mutah University	3.
www.aabu.edu.jo	Al albayt University	6.	www.hu.edu.jo	The Hashemite University	5.
www.ahu.edu.jo	AL-Hussein Bin Talal University	8.	www.bau.edu.jo	AL-Balqa Applied University	7.
www.gju.edu.jo	German Jordanian University	10.	www.ttu.edu.jo	Tafila Technical University	9.
www.inu.edu.jo	Irbid National University	12.	www.aau.edu.jo	Amman Arab University	11.
www.jpu.edu.jo	Jerash University	14.	www.meu.edu.jo	Middle East University	13.
www.psut.edu.jo	Princess Sumaya University for Technology	16.	www.jadara.edu.jo	Jadara University	15.
www.jam.edu.jo	Jordan Academy of Music	18.	www.ammanu.edu.jo	Al - Ahliyya Amman University	17.
www.jau.edu.jo	Ammon Applied University College	20.	www.asu.edu.jo	Applied Science University	19.
www.aum.edu.jo	American University of Madaba	22.	www.philadelphia.edu.jo	Philadelphia University	21.
www.anu.edu.jo	Ajloun National University	24.	www.iu.edu.jo	Isra University	23.
fesa-reg.unrwa.org	Faculty of Educational Sciences and Arts /UNRWA	26.	www.uop.edu.jo	Petra University	25.
www.aut.edu.jo	Aqaba university of technology	28.	www.zuj.edu.jo	Al-Zaytoonah University of Jordan	27.
www.htu.edu.j	Al Hussein Technical University	30.	www.zu.edu.jo	Zarqa University	29.